

Mangsa dera dijaga JKM

Akan dihantar ke rumah kanak-kanak di Kuala Kangsar untuk jagaan sementara

SITI KHAIRULNISAH MOHAMED BAJURI

TAPAH - Dua beradik perempuan berusia lima dan enam tahun dipercayai didera keluarga angkat mereka, Isnin lalu akan diambil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam masa terdekat.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Rusnah Kassim berkata, JKM akan ke mahkamah untuk mendapatkan perintah jagaan sementara ke atas kedua-dua kanak-kanak itu.

"Apabila JKM sudah dapat perintah daripada mahkamah, kedua kanak-kanak itu kita akan ambil dan hantar ke rumah kanak-kanak di Kuala Kangsar untuk jagaan sementara.

"Kita akan jaga dan jika ada orang mahu pelihara kedua-dua kanak-kanak ini, proses pengambilan itu akan lebih ketat," katanya selepas menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan



Rusnah ketika ditemui media, semalam.

Wanita Umno Bahagian Tapah, petang semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan doktor ke atas kedua-dua kanak-kanak malang itu mendapati, mereka hanya di-

dera secara fizikal dan tiada kesan penderaan seksual ditemui.

Katanya, kedua-dua kanak-kanak itu masih trauma dan pihak JKM memberikan khidmat kaunseling kepada mangsa dera itu.

INFO • JKM akan dapatkan perintah jagaan sementara ke atas kedua-dua kanak-kanak berkenaan

"Penderaan pada kanak-kanak itu agak lama berdasarkan kesan luka pada badan mereka dan hanya dapat dikesan baru-baru ini hasil kepekaan masyarakat dengan melaporkan kepada pihak polis," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan dua beradik perempuan berusia lima dan enam tahun dipercayai didera ibu, kakak dan abang angkat mereka, Isnin lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.03 petang itu, dua beradik dari Tadika Pasti Sungai Siputeh, Sungai Bayor itu diperiksa oleh jururawat Klinik Kesihatan Sungai Bayor yang hadir ke tadika.